

## TAMADUN MELAYU DALAM PERGELUTAN GLOBALISASI

Ucapan Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
semasa merasmikan Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu I, anjuran Institut  
Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris  
di Hotel Renaissance Kuala Lumpur  
pada 11 Ogos 2003

SAYA bersyukur ke hadrat Ilahi kerana berpeluang pada malam ini menyampaikan ucapan yang menyentuh alam Melayu anjuran Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tahniah dan syabas di atas daya usaha ini. Mujurlah di ambang manusia sibuk mengejar kemajuan dan pembaharuan yang diistilahkan sebagai modenisasi, di samping orang Melayu dihempas dan dipulas oleh perkelilingan yang serba mencabar, masih ada pihak yang sedar akan persoalan bangsa Melayu.

Bagi kita yang mencintai budaya dan bangsa serta semua perkara yang terkandung di dalamnya, seminar ini merupakan peluang keemasan bagi melahirkan beberapa pemikiran dan idea tentang kehidupan orang Melayu atau alam Melayu adalah topik yang serius lagi luas. Ia mengandungi kebudayaan dalam konteks yang seluas-luasnya. Budaya atau cara hidup, alam Melayu atau tamadun Melayu yang mencakup pelbagai bidang dan aspek kehidupan. Ia begitu luas hingga dirasakan suatu seminar seperti ini barang sudah tentu tidak cukup untuk memperkatakan keseluruhannya. Sesuaiilah bak kata pepatah lama:

Membilang dari satu  
Tanya khabar dengan salam  
Jika dilipat sekecil kuku  
Jika disebar seluas alam

Dikatakan begitu kerana maudhuk Melayu dan kehidupan atau tamadunnya adalah satu-satunya topik yang meliputi banyak aspek dan sempadan. Bahasa,

ekonomi, politik, agama dan pelbagai cabang kehidupan yang lain boleh belaka dihimpunkan ke dalam pengertian tamadun itu. Tentulah dalam segmen masa yang diperuntukkan bagi saya menyampaikan ucapan ringkas ini, jangankan isi, kulit luarnya pun mungkin tak mampu bagi saya mengupasnya. Tetapi jika masa yang diberi itu singkat, maka jalan keluar yang paling praktikal ialah menyentuh hanya satu atau dua perkara yang pokok kepada seminar seperti ini.

Isu yang paling mencabar kepada orang Melayu dalam dekad ini ialah bagaimana mereka harus berjaya dalam hidup dan berinteraksi dengan cara hidup dekad-dekad akan datang? Bagaimana orang Melayu harus terus dikenal melalui identiti dan jati diri mereka? Bagaimana Melayu perlu menyedari bahawa sekalipun Tanah Melayu ialah negara asal mereka, tempat tumpah darah mereka namun mereka masih didapati tercicir dalam banyak aspek kehidupan sekalipun dengan adanya pelbagai syarat keistimewaan yang ditopangi oleh pelbagai mekanisme seperti yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Tidak kurang relevannya ialah bagaimana Melayu harus hidup berjaya dalam pergelutan globalisasi yang penuh dengan rintangan serta pengaruh luaran yang tidak semestinya dapat diatasi secara sendirian oleh orang Melayu itu sendiri. Dan paling penting ialah bagaimana Islam yang menyelubungi kehidupan Melayu boleh dianuti tanpa prejudis atau nilai yang disalah guna dan disalah tafsir.

Jawapan kepada soalan-soalan atau isu-isu ini banyak bergantung kepada sikap orang Melayu itu sendiri secara menyeluruh dan spesifik. Ikut cara mana pun, yang utama ialah pendidikan dan perkelilingan yang secara praktiknya ditentukan oleh politik bangsa itu sendiri. Kedua-dua faktor hidup ini, iaitu pendidikan dan perkelilingan menyumbang kepada tamadun orang Melayu sebagaimana juga pendidikan dan perkelilingan orang Cina, misalnya, membentuk sahsiah dan masyarakat yang kuat dan bertradisi bagi orang Cina dalam dunia perniagaan serta sikap mereka terhadap dunia seluruhnya. Sebenarnya pendidikan dan perkelilingan adalah dua faktor terpenting dalam pembentukan tamadun.

Orang Yahudi yang sentiasa terdesak dan dikepong oleh musuh-musuh mereka semenjak zaman Nabi Musa (*alaihis salam*) hingga 1948 bila mana negara Israel diwujudkan dengan perancangan Barat, sangat mengenali apa itu tamadun dan bagaimana tamadun Yahudi perlu diperjuangkan tanpa henti-henti. Mereka

benar-benar menghayati konsep “Yehweh” dan petua “*One is for all and all is for one*”. Henry Ford, pereka dan pembikin kereta Ford dalam bukunya *The Complete International Jew* keluaran The Dearborn Independent 1922 mengakui betapa penting dan berkesannya perjuangan yang ‘mengutamakan kepentingan dan *survival* bangsa Yahudi ini sehingga menelan sebahagian besar hak dan kepentingan rakyat Amerika pada tahun 1920-an. Permasalahan ini masih menular di Amerika ketika ini. Hakikatnya ialah orang Yahudi sudah melalui pelbagai keserikkan dan himpitan hidup tersiksa. Bila mereka merancang, mereka merancang untuk semua.

Akan kelihatan bahawa untuk membawa sesuatu yang baru yang bertenaga merubah keadaan mesti ada mencetus dan acuan yang agak panas dalam kehidupan. Perubahan tidak boleh berlaku dalam keadaan lemah longlai dan kesederhanaan. Pendapat ini mungkin disanggah tetapi sejarah telah membuktikan bahawa semua perubahan kehidupan atau pencetusan pemikiran baru manusia adalah susulan perlakuan yang secara fizikalnya melalui konflik atau pertembungan sama ada dari keadaan senang kepada keadaan susah, dari keamanan kepada pergolakan, dari huru-hara kepada keamanan dan sebagainya. Lihatlah, Melayu tersentak dari tidur bila MacMichael membunyikan jam loceng dengan percubaannya melenyapkan kedaulatan Raja-Raja Melayu melalui gagasan Malayan Union. UMNO pun ditubuhkan pada 11 Mei 1946 hasil kesedaran Melayu untuk bersatu. Dasar Ekonomi Baru wujud kerana ‘Peristiwa Berdarah’ 13 Mei 1969. Sesungguhnya perkelilingan yang menyelubungi sesuatu bangsa itu berupaya membentuk sahsiah bangsa. Majoriti bangsa yang beroleh kebebasan dari penjajahan adalah melalui agitasi fizikal yang melibatkan banyak kehilangan harta dan nyawa.

Jika dihalakan pandangan kita kepada vista kehidupan orang Jepun, ketekunan, kerajinan dan keinginan akan kejayaan dalam apa jua perlakuan mereka menjadi matlamat utama masyarakat mereka. Bangsa yang sudah boleh mencipta pelbagai barangan dari penghasilan yang sehalus-halusnya seperti jam dan kamera kepada perkara-perkara besar seperti kereta, kapal, penyelidikan nuklear dan lain-lain. Orang Cina di tanah besar China percaya kepada kuasa dan kemegahan kenegaraan yang dilandasi sistem komunisme yang berteraskan *the State as a focus of authority and well being*. Sementara Jepun sudah maju dan canggih, orang Jepun pada masa yang sama tidak lupa akan budaya, bahasa dan identiti mereka. Salah satu kejituan mereka ialah menterjemahkan bahasa teknikal luaran kepada bahasa

teknikal Jepun. Lantaran sifat bangsa yang homogenus, pencapaian mereka dalam bidang ini memang agak mudah tetapi mengkagumkan. Pada masa yang sama budaya mereka tidak terjejas, sekalipun budaya melalui tenaga hiburan Barat terus menerus meninggalkan impak.

Begitu juga China, Rusia, Perancis, Korea dan Taiwan. Kesemua negara ini dijenterakan oleh nilai-nilai nasionalisme dan jati diri yang kukuh di samping asimilasi kepandaian Barat yang terus menerus mencorakkan pendidikan dan perkelilingan mereka. Negara seperti India pula mengadunkan kemajuan Barat dengan sosio-budaya mereka sendiri. Dalam kesemua perbandingan ini ternyata agama tidak pernah menjadi penghalang kepada sebarang tindakan menyusul ilmu dan mutu kehidupan. Tiada inhibition, tiada hadangan dalaman. Adakah konteks perbandingan ini relevan dalam pemikiran kita terhadap kehidupan orang Melayu? Biar jangan saya jawab sepenuhnya soalan ini. Sekadar sebahagian kecil daripadanya boleh dicuba.

Sekelompok orang Melayu hari ini terlalu terbelenggu dengan acuan-acuan sampingan Islam dan bukan asas-asas atau *fundamentals* sehingga dunia mereka hanya tertumpu kepada suatu sudut yang melumpuhkan mereka. Mereka tidak lagi nampak kepentingan kemelayuan itu disatukan, dimajukan, dipacu untuk pencapaian demi bangsa dan tanah air. Mereka lupa bahawa junjungan kita Nabi Muhamad s.a.w sekalipun mementingkan kaum Quraish memegang teraju dan pengaruh sosialisme. Arab mementingkan Arab bukan orang lain. Kenapa kita sebagai Melayu tidak upaya mementingkan Melayu secara menyeluruh untuk memupuk dan mengekalkan sosio-budaya yang boleh bertahan dalam konteks Islam yang dianuti?

Dalam konteks ini saya teringat kepada sebahagian syair Za'ba yang dikarangnya pada tahun 1919:

Islam kita weh kejatuhan  
Sebab karut masuk tambahan  
Quran dan hadis terbulang-baling  
Tujuan asli dapat ubahan  
Maksud hakiki berpecahan  
Bengkang bengkok kena perguling.

(*Utusan Melayu* 20 Ogos 1919)

Orang memegang isi, kita memegang kulit; yang dierami ialah ayam, tetapi yang membiak ialah itik. Barangkali perbandingan anak ayam jadi anak itik ini tidak begitu tepat. Namun ia bertenaga memberi kefahaman, iaitu Melayu tidak melahirkan kemelayuan tetapi pelbagai campuran dan adunan yang hasilnya belum menentu. Mungkin inilah yang disangsikan oleh Perdana Menteri sehingga beliau menyatakan dengan pilu bahawa perjuangan belum selesai.

Yang perlu dinyatakan kini ialah bahawa lantaran tiadanya budaya berlumba-lumba dalam pendidikan dan perkelilingan (yang termasuk asuhan agama yang asas) orang Melayu sering terpinggir oleh sistem nilai yang menyelubungi diri mereka sendiri semata-mata atas dorongan siapa harus menang dalam pilihanraya bukanlah sawah ladang perjuangan sebenar.

Dalam pada itu sebahagian besar daripada budaya kita sudah terpinggir. Mana dia amalan budaya lama yang menerusinya kita dapat mengenal Melayu? Apakah senandung lagu lama tak elok lagi sehingga 60% remaja kita memilih hiburan luaran Melayu? Apa sebab dari bilangan 32,000 penagih dadah tahun lalu Melayu mewakili 69%? Bagaimana terdapat 34, 205 atau 72.4% orang Melayu terlibat dalam HIV-AIDS dari jumlah 47,634 kes HIV-AIDS di negara ini bagi tempoh 1986-2002, sedangkan kaum Cina hanya 7,275 (15.3%) dan kaum India hanya 4,151 atau 8.7? Kita tidak boleh terima alasan bahawa kononnya asas data Melayu dalam populasi merupakan 56%, justeru angka HIV-AIDS Melayu lebih tinggi. Hujah ini tidak boleh diterima pakai kerana ia merupakan eskapisme yang longgar. Sebenarnya kita sudah lemah. Pagar kita sudah rebah dan roboh. Dalam jenayah sumbang mahram Melayu juga yang paling atas bilangannya, melebihi 243 kes semenjak 5 tahun lampau sedangkan kaum lain hanya sekelumit bilangannya. Apa dan di mana silapnya? Rumusan saya ialah tampaknya laungan dan bimbingan agama yang disalurkan menerusi televisyen dan radio serta media cetak, ceramah, polemik dan sebagainya tidak berkesan. Seruan dan ajaran tak sampai ke bawah. Berapa ramai mubaligh Islam kita yang membimbing secara praktikal kes-kes yang melarat itu? Agama lain ada *mission* mereka. *Mission* Islamiah kita di mana? Adakah ceramah-ceramah maki hamun para pemimpin Melayu yang dikatakan disertai beribu orang itu mengandungi rancangan membela bangsa menerusi pogram di pusat-pusat serenti kita? Syair Za'ba tahun 1919 menepati sasarannya. Kita leka dengan kulit, sebahagian isinya sudah berulat.

Kita boleh teruskan dengusan atau lamentasi ini: Apakah bahasa ibunda hanya untuk sekadar dapat sijil persekolahan dan lepas itu kewajarannya menghilang? Proses osmosis dalam hidup memang diakui sentiasa wujud dan berjalan: iaitu larutan yang kuat menyedut larutan yang cair melalui membran. Ini fenomena sains tetapi tamadun manusia juga seperti itu. Bangsa yang kuat dan kaya amat mudah baginya mempengaruhi bangsa-bangsa lain yang berniaga dan berinteraksi dengannya. Kadangkala peperangan menjadi saluran proses ini yang seterusnya mewujudkan keadaan akulturasi. Budaya bangsa yang lemah dan sederhana tadi diwarnakan oleh budaya bangsa yang kuat.

Apa yang saya katakan ini akan dapat dilihat dalam konteks Amerika Syarikat dengan kehidupan di Timur. Siapa yang mempengaruhi siapa? Hollywood mempengaruhi manusia dunia. Industri muzik dan hiburan Barat terus melanda Timur tanpa henti-henti. Inovasi dan ciptaan mereka juga begitu. Alat perang dan alat tahan diri negara-negara semuanya 70% didatangkan dari sana. Dan terpenting, ilmu dunia ditentukan oleh mereka. Ini semua telah, sedang dan akan merubah tamadun kita.

Manusia akan sentiasa terbeliak mata dengan tiga elemen kuasa, pangkat atau kedudukan dan kekayaan. Apa yang kita lupa ialah semua ini juga boleh diperolehi dengan ilmu.

Bagaimana kita mengolah dasar dan amalan yang tak dapat tiada mesti ditempuh oleh orang Melayu dalam kehidupan mereka? Membuat dasar agak mudah, iaitu melalui kuasa majoriti politik sesebuah negara. Kita gunakan proses demokrasi atau proses induksi suara ramai sesebuah negara yang bersistem pemerintahan suara majoriti. Bila dasar digubal, dasar itu perlu dijadikan matlamat dan cita-cita. Jika dibuat dasar hari ini tetapi esok lusa diubah atau diabaikan, yang menderita ialah bangsa itu sendiri kerana kekaburan matlamat.

Saya memang berbangga dengan pencapaian orang Melayu setakat ini, di ambang Melayu hendak ke angkasa lepas, selepas Azhar Mansor dan Malek Mydin membuat rekod untuk negaranya, selepas Dr. Mahathir memimpin bangsa dan negaranya dengan cemerlang. Cuma soalan yang bermain di kepala saya ialah macam manakah orang Melayu itu dalam sedekad dua akan datang? Akan adakah apa yang sebenar dikatakan budayanya? Akan terus jitukah bahasanya, akan

tercapaika kuasa ekonomi baginya. Paling penting – akan teruskah ada di tangan kuasa politik bagi mereka? Nampaknya saya menyoalkan kembali soalan-soalan dan isu-isu yang saya ketengahkan mula-mula tadi. Demikianpun, saya tidak bosan-bosan menyuarakan supaya Melayu jangan lupa diri. Bukan apa, saya cuma takut akan hakikat pantun ini:

Nobat rebana dendang perantau  
Rakit saya putus tali  
Ubat kena pantang terlampau  
Penyakit lama hinggap kembali

Penyakit lama yang dimaksudkan ialah kebiasaan dan kecenderungan orang Melayu untuk bergantung nasib kepada orang lain; sentiasa menagih keistimewaan dan berfalsafah bahawa pihak berkuasa mesti memberi habuan kepada kebajikan mereka. Penyakit lama yang dimaksudkan ialah tidak peduli kepada unsur-unsur *survival* melalui pendidikan serta asuhan membina jiwa berdisiplin, kental dan produktif. Penyakit lama juga bererti golongan yang berkuasa kurang senang menerima teguran dan kritikan membina yang seharusnya diterima asalkan bangsa bertamadun tinggi.

Pada setiap talam ada dua mukanya dan pada setiap duit syiling ada dua lambangnya. Ini bererti bukan hanya ada satu versi kebenaran kepada sesuatu permasalahan. Tamadun pun begitu. Alam semesta harus dipelajari agar panduan yang diserlahkan Tuhan melalui alam sekeliling memasuki persepsi manusia. Pantun lama sebagai manifestasi kepada pentingnya alam ada dinukilkan:

Pisau raut si bongkok hulu  
Bentang tilam di tengah halaman  
Pasir dan laut menjadi guru  
Alam terbentang jadi pedoman

Tamadun Melayu tak dapat tiada akan berubah seperti mana juga alam Islam akan berubah. Samuel Huntington percaya kepada *The Clash of Civilization* antara Barat dengan Islam. Ini bukan perkara baru. Pertembungan besar telah pun berlaku apabila Perang Salib tercetus 700 tahun lampau. Melayu jangan hendaknya terikut-ikut dengan tuntutan peperangan agama semata-mata kerana mengikutkan

sentimen kelompok. Ini adalah kerana kepakaran dan ilmu perang tidak ada pada kita. Kok bertukang perlukan alatnya, kok berperang perlukan senjata dan latihannya.

Saban hari tekanan dunia global bertambah mencengkam sama ada lantaran dagangan dan hubungan antarabangsa mahupun atas sebab hubungan pelbagai hala antarabangsa yang melibatkan negara kita. Dalam senario seperti inilah pendidikan dan perkelilingan sesuatu masyarakat itu akan menentukan tamadun yang akan menyelubungi hidupnya. Dalam pendidikan ada latihan. Hakikat intim inilah yang akan mencorakkan tamadun Melayu akan datang. Tamadun kaum Tionghua di Malaysia akan berlandas kepada nilai perlumbaan hidup atau *life's competitiveness*. Orang Cina sentiasa berasa bahawa mereka terhimpit jika mereka tidak bekerja keras, jika mereka tidak dapatkan pendidikan dan asuhan yang cemerlang. Anak-anak mereka akan terus petah dan berkelulusan baik dalam matapelajaran Bahasa Melayu; mereka petah berbahasa Inggeris apatah lagi berbahasa Mandarin di samping mahir dalam subjek-subjek sains dan matematik. Mereka ini akan terus menempuh hidup bertamadun yang terjamin. Kehidupan mereka akan lebih berkualiti, justeru tamadun bangsa mereka akan terus berlandas kepada kecemerlangan. Pada masayang sama anak-anak Melayu yang sempit persepsi hidupnya tidak akan mencapai kemajuan sosiobudaya yang tinggi. Jalan keluar tentunya memberanikan diri belajar Mandarin, bahasa Inggeris, matematik dan sains melalui sistem cemerlang.

Kecemerlangan mudah disebut tapi sukar didapati. Ia mesti dirancang dengan telliti kemudian dipaksakan ke dalam proses bina negara. Proses ini memerlukan budayawan, teknokrat dan barisan para pemimpin yang berwawasan atau bervisi jauh. Kita harus punya para guru kelas satu. Kita perlukan para pensyarah dan profesor cemerlang. Mereka harus diadunkan dengan kepakaran antarabangsa agar ilmu dan disiplin diri dapat dijana membina bangsa yang dihajati.

Sejarawan sering berkata Kota Rom tidak terbina dalam masa sehari. Begitu juga tamadun. Ia memakan masa, malah ia merentas musim dan zaman. Langkah pertama ialah kini.

Pendeta Za'ba semasa hayat perjuangannya suka benar berpolemik tentang permasalahan bangsanya. Sebahagian besar permasalahan orang Melayu yang kita



debatkan hari ini termasuk isu-isu bangsa, agama dan negara telah beliau lakukan dalam pelbagai polemik dan penulisan. Za'ba mengajarkan nahu bahasa ibunda kepada anak Melayu. Beliau menukilkan pemerhatiannya terhadap modenisasi dan kemajuan, terhadap fiil, sikap dan falsafah perjuangan hidup khusus untuk bangsanya kita terhutang budi kepadanya.

Diirik ialah padi  
Diendang anak desa  
Yang cantik ialah budi  
Dikenang ialah jasa

Dengan rangkap itu sukacitalah saya merasmikan Seminar Za'ba mengenai alam Melayu anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.